

SIARAN AKHBAR

PESTA SUKAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM 2009 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BERAKAS, Sabtu, 06 Mac 2010 – Upacara Pembukaan Rasmi Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 telah diadakan di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Pesta Sukan Kementerian-Kementerian ini merupakan gabungan dari dua kejohanan yang berbeza iaitu Kejohanan Sukan Antara Kementerian-Kementerian Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kejohanan Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam kelolaan Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat bagi menyempurnakan Upacara Perasmian Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Upacara perasmian bermula dengan perbarisan masuk semua kontinjen terdiri dari 12 buah kementerian disusuli dengan sembah alu-aluan dari Pengarah Belia dan Sukan selaku Pengerusi Jawatankuasa Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009, Yang Mulia Haji Mohamad bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan diteruskan dengan Sabda Perasmian Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan seterusnya dijunjung untuk disembahkan kepada Ketua Kontinjen Kementerian-Kementerian. Upacara diteruskan dengan bacaan ikrar sukan yang disampaikan oleh Awang Haizul Rani bin Matusin dari Kementerian Pertahanan.

Acara malam itu menyaksikan Perlawanan Tarik Kalat Bagi Kategori 1100KG antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menentang Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan menentang Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, manakala Kategori 800KG menyaksikan pertemuan antara Kementerian Pertahanan menentang Kementerian Pendidikan.

Sebanyak 11 acara sukan dipertandingkan iaitu bola jaring, bola tampar, olahraga, sepak takraw, badminton, dart, futsal, tenpin bowling, pool 9 ball, tarik kalat dan gasing yang melibatkan hampir 2000 pegawai dan kakitangan Kerajaan sebagai atlet, jurulatih mahupun pegawai teknikal. Sementara jumlah keseluruhan pingat yang akan menjadi rebutan untuk Pesta Sukan Kementerian kali ini adalah sebanyak 140 pingat iaitu 45 pingat emas, 45 pingat perak dan 50 pingat gangsa.

Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 bertujuan untuk melaksanakan "Dasar Sukan Negara" khasnya dalam "Sukan Untuk Masyarakat", untuk memajukan sukan seiring dengan pembangunan sosial ekonomi dan pembangunan kerohanian serta memberi peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan disemua peringkat dan bahagian supaya bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan secara terpadu dan teratur. Disamping itu, ianya dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dikalangan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta mencungkil bakat dan meningkatkan mutu sukan khasnya dikalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang sebahagiannya terdiri daripada golongan belia yang mempunyai potensi untuk menjadi ahli sukan negara. Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam 2009 merupakan salah satu usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan untuk menjadikan aktiviti-aktiviti sukan bukan hanya semata-mata untuk kecemerlangan tetapi ianya juga untuk kecergasan, kesihatan fizikal dan mental serta perpaduan.

Tarikh: 20 Rabiulawal 1431
06 Mac 2010